

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Puisi ialah kata-kata yang indah dalam susunan terindah (Samuel , dalam Pradopo, 1993:6). Puisi bukan sahaja indah dari segi bahasanya, tetapi juga mempunyai makna yang bernilai. Pradopo (1993:3) berpendapat puisi ialah karya estetik yang bermakna, yang mempunyai erti, bukan hanya sesuatu yang kosong tanpa makna. Menurut Johari (2004:5), puisi merupakan genre sastera yang abstrak, penuh dengan ketaksaan lambang dan interpretasi. Puisi cukup sesuai digunakan untuk menyempurnakan diri serta merenung keagungan ciptaan Illahi. Pengkritik puisi bahasa Cina di Malaysia yang terkenal iaitu Chong (Gong, 2003:1) berkata, seseorang yang membaca puisi pada masa kini tentunya hidup dalam zaman yang menyeronokkan. Hal ini kerana membaca puisi dapat memperluas dan memperdalam pengetahuan manusia tentang diri sendiri serta dunia sejangat dengan lebih menyeluruh. Oleh itu, puisi adalah penting untuk difahami oleh pembaca demi meningkatkan taraf pemikiran serta rohani seseorang atau sesebuah masyarakat.

1.2 Puisi Tradisional Bahasa Cina Di Negara Cina

Menurut Guo (2000:9), puisi-puisi yang pertama dicatat di negara Cina bermula sebelum abad ke-8 sebelum tahun Masehi iaitu pada Zaman Dinasti Chou Barat (1027-770 sebelum Masehi) hingga Zaman Chun-Chiu (722-482 sebelum Masehi). Puisi-puisi ini yang berjumlah 305 buah karya, diberi tajuk 《诗经》 (Shījīng). 《诗经》 (Shījīng)

merupakan kutipan lirik nyanyian rakyat jelata yang tidak diketahui nama pengarangnya. Puisi ini menggambarkan fikiran, emosi dan kehidupan rakyat jelata pada masa itu. Selepas itu, puisi di negara China turut berkembang sehingga mencapai kemuncak gemilang pada zaman Dinasti Tang (618-907 tahun Masehi) dan Dinasti Song (960-1279 tahun Masehi). Ramai penulis pada zaman tersebut menjadi begitu terkenal kerana nilai makna dan keindahan bahasa dalam puisi mereka. Kejayaan mereka dan puisi-puisi berkenaan masih diagung-agungkan oleh masyarakat Cina sehingga kini. Sepanjang tempoh yang melebihi 3000 tahun, puisi bahasa Cina telah mengalami berbagai-bagai peringkat evolusi dari segi strukturnya. Puisi-puisi tradisional yang mempunyai peraturan struktur yang tetap digolongkan sebagai puisi tradisional dan puisi lama ini lain daripada puisi moden yang mempunyai struktur yang bebas. Puisi tradisional banyak ditulis oleh sarjana yang berakhlak mulia pada zaman dulu. Mereka meluahkan kebijaksanaan, nilai moral, pendapat yang kritis dan kritikal dalam puisi melalui pengalaman dan keprihatinan mereka dalam kehidupan. Falsafah mereka telah menjadi tunjang pemikiran, pengajaran dan pedoman orang Cina sejak zaman dahulu lagi. Malahan, banyak kata hikmah dalam puisi tradisional ini telah menjadi bahan pengajaran dan pembelajaran sekolah Cina di Malaysia.

Sejak sepuluh tahun kebelakangan ini, Profesor Wang Gui Cai dari Fakulti Pengajaran Bahasa, Taiwan dan tokoh guru dari Pengajaran Ilmu Negara China Nan Huai telah menggalakkan pembacaan buku-buku ilmiah tradisional termasuk puisi tradisional bahasa Cina (Chai, 2004:vi). Usaha ini mendapat sambutan yang baik daripada masyarakat Cina di seluruh dunia. Pada tahun 2000, negara China telah melancarkan

pembacaan buku-buku ilmiah tradisional di seluruh negara supaya rakyatnya dididik dengan nilai-nilai moral yang mulia dan negara dapat ditadbir dengan bijaksana.

1.3 Kedudukan Puisi Tradisional Bahasa Cina Di Malaysia

Pendidikan Cina di Malaysia mengikuti jejak pembacaan puisi di negara China sejak di peringkat sekolah tadika dan sekolah rendah hingga ke sekolah menengah. Para pendidik berpendapat kanak-kanak yang mengikuti pembacaan buku-buku ilmiah ini lebih pantas mengecam perkataan, lebih cepat belajar menyanyi lagu baru dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris (Chai, 2004:vii).

Pembacaan buku-buku ilmiah ini ialah sejenis pembacaan secara lantang setelah menghafal bahan-bahan bacaan dan merupakan langkah pertama di peringkat sekolah tadika dan sekolah rendah di Malaysia. Pada peringkat sekolah menengah, murid-murid dikehendaki memahami kata-kata hikmah (名句精华, mingjvjinghua) dalam puisi tradisional dan bahan-bahan buku ilmiah yang lain. Malahan, puisi tradisional memang terdapat dalam sukatan pelajaran sekolah menengah dan merupakan sebahagian daripada soalan dalam peperiksaan kertas bahasa Cina di peringkat SPM (Sijil Peperiksaan Malaysia). Pada masa ini, puisi tradisional bahasa Cina bukan sahaja memainkan peranan penting dalam sukatan pelajaran di Malaysia, malah kandungan nilai-nilai falsafah dalam puisi tradisional itu juga mempengaruhi pembentukan sahsiah dan pemikiran seseorang.

Melalui pemerhatian pengkaji selaku seorang guru, walaupun puisi tradisional merupakan satu aspek dalam sukatan pelajaran sekolah menengah, tetapi kebanyakan murid kurang berminat untuk membaca puisi tradisional. Hal ini kerana mereka kurang memahami isi kandungan puisi tersebut. Misalnya makna metafora dalam puisi hanya

dapat difahami setelah diterangkan oleh guru mereka. Malahan, guru-guru juga perlu merujuk banyak bahan rujukan untuk memahami makna tersebut. Bak kata pepatah “tak kenal maka tak cinta”, murid-murid hanya akan berminat terhadap puisi tradisional itu sekiranya mereka betul-betul memahami maknanya. Dengan kata lain, apabila membaca puisi, adalah perlu untuk memahami makna puisi tersebut. Makna metafora dalam puisi tradisional perlu dikaji demi meningkatkan minat pembaca terhadap puisi tradisional itu.

1.4 Perkembangan Kajian Metafora

Apabila menyebut sesuatu dengan menggunakan perkataan yang lain daripada makna biasa untuk menyampaikan makna sebenar, mungkin unsur metafora telah digunakan. Metafora biasanya digunakan dalam perbualan harian kerana pengguna bahasa ingin menyampaikan sesuatu dengan lebih jelas, secara tidak langsung atau ingin memberi peluang kepada pendengar untuk mentafsir makna dengan lebih bebas dan meluas. Hal ini juga menunjukkan gaya bahasa seseorang pengguna yang berpendidikan. Menurut Richards (Shu, 2000:1) , setiap tiga ujaran yang kita sebut dalam perbualan harian mengandungi satu metafora. Malahan, Pollio, Barlow, Fine dan Pollio (Shu, 2000:1) pula menganggarkan manusia menggunakan sebanyak empat metafora dalam setiap minit pertuturan bebas .

Menurut Ortony (Mohamad , 2005:111), kajian metafora bermula pada zaman Aristotle (384-322 BC). Oleh itu, kajian ini bukan sesuatu kajian baru tetapi telah dikaji oleh para pakar melebihi 2000 tahun, sejak 300 tahun sebelum Masehi. Ricoeur (1978:3) berpendapat Aristotle sebenarnya telah memberi definisi metafora untuk membuka jalan kepada sejarah aliran pemikiran Barat dengan menggunakan semantik perkataan dan kata

nama sebagai unit asas. Kajian metafora dilanjutkan melebihi 2000 tahun sehingga mendapat perhatian daripada golongan ahli linguistik, sastera, falsafah, psikologi, pragmatik, semiotik, kognitif, agama dan lain-lain penyelidik untuk mengkaji kebolehan manusia menggunakan dan memahami metafora sebagai kunci untuk membuka rahsia bahasa dan kognisi (Kronfeld, 1983:1). Fenomena penyelidikan mengenai metafora menjadi begitu hangat pada tahun 70an dalam bidang akademik di Amerika dan Eropah sehingga wujudnya *metaphormania* di peringkat universal (Shu, 2000:5).

Dalam sejarah perkembangan kajian metafora negara Cina, Hu (2004:207) berpendapat bahawa metafora bukan satu kajian yang sistematik di negara China pada peringkat awal, tetapi penggunaan perkataan seperti “比 (bǐ)、辟 (bì)、譬 (pì)、依 (yī)” yang bermakna “perbandingan” telah wujud dalam karya 荀子 (Xūn zǐ) sejak abad ke-3 sebelum tahun Masehi. Ini bermakna konsep metafora telah mula digunakan pada zaman itu. Malahan, pada zaman yang sama, 墨子 (Mò zǐ) dalam karyanya mengatakan :

“辟也者，举他物而以明之也” <墨子.小取>

(Bì yě zhě, jǔ tā wù ér yī míng zhī yě < Mòzi. Xiǎo qǔ >)

Karya <小取> (Xiǎoqǔ) yang terdapat dalam buku ilmiah yang berjudul <墨子> (Mòzi), perkataan “辟” (bì) iaitu “perbandingan” bermaksud menggunakan sesuatu objek yang lain untuk menjelaskan hal sebenarnya.

Kedua-dua contoh di atas jelas menunjukkan aspek metafora telah mula diberi perhatian oleh para sasterawan sejak abad ke-3 sebelum tahun Masehi di negara China. Selepas itu, konsep metafora turut digunakan dan dibincangkan oleh golongan berpendidikan. Setiap pengkaji mengkategorikan jenis metafora dengan cara berlainan.

Walaupun begitu, Shu (2000:8) berpendapat bahawa kajian metafora di negara China kurang berkembang berbanding dengan perkembangan yang begitu hangat di negara Eropah.

1.5 Peranan Metafora Dalam Puisi

Metafora merupakan salah satu jenis bahasa kiasan yang banyak digunakan dalam hasil karya puisi. Pradopo (1993:61) berpendapat bahawa bahasa kiasan, iaitu bahasa figuratif, adalah unsur kepuhitan dalam puisi, bahasa kiasan ini mengiaskan atau mempersamakan sesuatu hal dengan hal lain supaya gambaran menjadi lebih jelas, lebih menarik dan bernyawa. Lewis pernah menyatakan metafora adalah konsep hidup puisi, ianya merupakan jenis karangan dan kebanggaan seseorang penulis; Bachelard berkata, otak penulis semata-mata terdiri daripada ayat bertatabahasa metafora; Fenellosa pula menunjukkan metafora adalah pencungkil alam semulajadi ianya merupakan realiti puisi (Shu, 2000:120). Penulis Amerika, Stevens pernah berkata :“ Reality is a cliché from which we escape by metaphor. The absolute object slightly turned is a metaphor of the object ” Stevens berpendapat penulis menggunakan metafora untuk mengelakkan realiti yang klise (*cliche*), penukaran sedikit keadaan sebenar sesuatu objek merupakan metafora bagi sesuatu objek tersebut (Chiah, 2000: 36).

Selain itu, buku ilmiah tradisional negara Cina 礼记 (Lǐ jì) pada 300 tahun sebelum tahun Masehi juga pernah menyatakan kepentingan metafora dalam puisi (Hu,2003:207):

“不学博依，不能安诗。“<礼记.学记>
(Bù xué bō yī, bù néng ān shī <Lǐ jì .Xué jì >)

Ini bermakna seseorang itu mesti mempelajari metafora sebelum dia boleh memahami atau menulis puisi dengan baik. Memandangkan metafora memainkan peranan yang begitu penting dalam persembahan puisi, maka adalah perlu untuk mengkaji penggunaan metafora dalam puisi.

Jika dibandingkan dengan bentuk karya sastera yang lain, puisi lebih bersifat konotatif kerana banyak menggunakan makna kiasan (Herman, 1995:22). Ia terpulang kepada pembaca untuk mentafsirkan makna perkataan itu. Kadang-kala, tafsiran pembaca boleh terpesong daripada makna sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis. Oleh itu, adalah penting untuk mengkaji metafora puisi tradisional bagi meningkatkan minat dan pemahaman pembaca terhadap puisi tradisional.

1.6 Pernyataan Masalah

Menurut Yi (2000:1), puisi tradisional falsafah bahasa Cina mempunyai bahasa yang ringkas, imej yang jelas, penulisan dan perbincangan yang menarik dengan penggunaan metafora untuk menyampaikan pemikiran dan pengajaran yang mendalam. Banyak kata hikmah yang dipetik daripada puisi-puisi tradisional falsafah terdapat dalam sukatan pelajaran sekolah rendah dan menengah di negara Cina. Keadaan ini juga berlaku di Malaysia. Kebanyakan kata-kata hikmah dipetik daripada puisi-puisi tradisional dimasukkan dalam sukatan pelajaran bahasa Cina sekolah menengah.

Malahan, menurut Kajian Profil Membaca Rakyat Malaysia (2005) yang dijalankan oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PMN), orang Malaysia tidak suka membaca buku. Purata orang Malaysia membaca buku hanya dua buah setahun seperti tinjauan pada tahun 1996 (Malaysiakini, 2008:1). Hasil kajian ini menunjukkan tabiat

membaca di kalangan masyarakat kita agak kurang berbanding dengan tabiat membaca di negara-negara lain. Apa yang menyedihkan lagi ialah kebanyakan masyarakat kita terutamanya remaja lebih berminat membaca majalah-majalah hiburan berbanding dengan buku-buku ilmiah (Mazlan, 2008). Pada pendapat Zin (2004), rakyat Malaysia kurang minat membaca kerana kurang minat pada ilmu, fikiran dan kreativiti.

Puisi tradisional merupakan hasil karya kreatif yang penuh dengan metafora. Banyak puisi tradisional falsafah yang bermakna boleh diaplikasikan dalam kehidupan atau berguna dalam perkembangan mental manusia. Memandangkan peratusan membaca di kalangan masyarakat Malaysia begitu rendah, sekiranya masyarakat Malaysia kurang faham dengan makna metafora dalam puisi tradisional yang memerlukan daya penafsiran yang tinggi, minat mereka terhadap puisi tradisional akan turut terjejas dan aspek kerohanian manusia sukar dipertingkatkan.

Penulis tempatan Lim (2000:113) pernah berkata, ciptaan hasil karya puisi bukan sahaja perlu menimbang suara sanubari dan gaya bahasa penulis, tetapi juga perlu memahami keperluan pembaca puisi, apa yang mereka ingin perolehi daripada sesebuah puisi, kesedaran dan kebenaran hidup atau kesenian bahasa sahaja. Oleh itu, kebolehan pemahaman mesej pembaca terhadap sesebuah puisi adalah penting untuk mencapai tujuan penghasilan puisi tersebut. Jika makna metafora dalam puisi tidak dapat difahami dan dihayati oleh pembaca, puisi itu hanya merupakan kata-kata hiasan yang tidak bermakna. Lim (2000: 113) juga berpendapat bahawa sesebuah puisi yang tidak membawa erti tidak berguna.

Dengan kata lain, adalah penting untuk pembaca mentafsirkan makna sebenar penulis. Setelah mengatasi cabaran memahami makna metafora puisi tradisional, minat

pembaca terhadap puisi tradisional akan turut meningkat. Kedudukan puisi tradisional yang bernilai tinggi dapat dihargai oleh masyarakat dan seterusnya meningkatkan taraf pemikiran dan kerohanian manusia.

1.7 Objektif Kajian

Penyelidikan ini dijalankan untuk mengkaji item leksikal pada tahap metafora dalam puisi tradisional bahasa Cina. Tujuan kajian ini adalah untuk melihat penggunaan metafora dalam puisi tradisional bahasa Cina yang telah dihasilkan pada zaman dahulu.

Objektif kajian:

1. Mengenal pasti makna dan struktur metafora dalam puisi tradisional bahasa Cina.
2. Mengkategorikan makna metafora.
3. Mengkaji faktor-faktor penggunaan metafora dalam puisi tradisional tersebut.

Soalan penyelidikan:

1. Apakah struktur metafora dan makna metafora yang ingin disampaikan oleh penulis?
2. Apakah penggolongan metafora dalam puisi tradisional bahasa Cina?
3. Mengapakah sesuatu item leksikal digunakan sebagai metafora dalam puisi?

1.8 Kepentingan Kajian

Confucious (551-497 sebelum tahun Masehi), Maha Guru negara Cina yang terkemuka dalam sejarah negara Cina amat mementingkan pengajaran puisi (Guo, 2000:32). Confucious pernah memberitahu murid-muridnya :

“诗可以兴、可以观、可以群、可以怨。”

“Shī kényí xīng , kényí guān , kényí qún, kényí yuàn .”

Ini bermakna puisi boleh membangunkan sesebuah negara, membawa kemakmuran, menyatupadukan rakyat dan juga boleh menjatuhkan sesebuah negara.

Berdasarkan kenyataan di atas, kajian ini penting untuk menghidupkan semula nilai-nilai puisi tradisional yang bermanfaat kepada masyarakat dan negara. Keindahan dan kepentingan puisi tradisional amat perlu dikaji demi pembangunan tamadun dan kemajuan sesebuah masyarakat. Metafora menjadi aspek kajian yang penting untuk mencungkil makna sebenar sesebuah puisi tradisional.

Selain itu, kajian ini juga bermakna kerana penyelidik berharap kajian ini akan menarik minat lebih ramai ahli linguistik untuk membuat penyelidikan mengenai metafora dalam puisi tradisional bahasa Cina. Dengan itu, para pembaca puisi dapat memperolehi lebih banyak bahan rujukan untuk memahami puisi tradisional.

Penyelidik juga berharap hasil kajian ini dapat memberi sumbangan kepada guru bahasa Cina supaya dapat menyediakan bahan pengajaran dan pembelajaran mengenai puisi tradisional yang lebih berkesan kepada pelajar demi meningkatkan keyakinan mereka untuk memahami makna metafora puisi tradisional. Dengan itu, pelajar bukan sahaja dapat mengenal item leksikal yang mengandungi makna metafora dalam puisi tradisional tersebut, tetapi juga dapat mengagumi kemajuan tamadun negara China kerana kecanggihan penggunaan bahasanya pada zaman itu. Minat pelajar terhadap puisi tradisional bahasa Cina akan turut meningkat.

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini merupakan penyelidikan kualitatif untuk melihat penggunaan metafora dalam puisi tradisional bahasa Cina. Pengkaji telah memilih buku puisi tradisional

berunsur falsafah yang dipetik oleh Pang (1999) sebagai data kajian. Judul buku ini ialah 《哲理诗一百首》, iaitu *Seratus Buah Puisi Falsafah*.

Puisi tradisional falsafah yang dipetik oleh Pang (1999) ditulis dari zaman Dinasti Chūnqiū (480-770 sebelum Masehi) hingga Dinasti Qīng (1661-1911 tahun Masehi) mengandungi 100 buah puisi tradisional falsafah. Antaranya terdapat 49 buah puisi tradisional falsafah dipetik dari Dinasti Tang (618-907 tahun Masehi) dan Dinasti Song (960-1279 tahun Masehi) yang merangkumi hampir 50% daripada jumlah petikan.

Kajian ini akan menganalisis sebanyak 30 buah puisi tradisional falsafah, iaitu 30% daripada jumlah petikan puisi dalam buku Pang (1999) yang ditulis dalam Dinasti Tang (618-907 tahun Masehi) dan Dinasti Song (960-1279 tahun Masehi) yang paling banyak menggunakan metafora. Puisi tradisional yang ditulis pada zaman Dinasti Tang dan Song mencapai kejayaan gemilang dalam sejarah kesusasteraan. Malahan, puisi-puisi yang dipilih ini merupakan puisi falsafah yang terkemuka.

Bidang metafora menjadi bidang kajian ini. Hal ini kerana metafora merupakan bahasa yang bertaraf tinggi iaitu pengguna metafora boleh menggunakan sesuatu objek untuk menyampaikan makna yang ingin disampaikan itu. Aristotle berpendapat bahawa orang yang pandai menggunakan metafora merupakan seorang genius : “.....*the greatest thing by far is to be a master of metaphor*” (Shu, 2000:3).

Item-item leksikal metafora dalam puisi tradisional akan dikenal pasti makna dan struktur metafora, dikategorikan mengikut penggolongan dan juga dikaji faktor-faktor penggunaannya. Skop metafora dari segi retorik meliputi simile seperti yang disarankan oleh Aristotle (2004:3) dan personifikasi yang diterangkan oleh Lakoff dan Johnson

(1980:33). Ayat yang tidak mengandungi metafora tetapi menggunakan bentuk bahasa kiasan yang lain tidak dianalisis.

Jumlah puisi tradisional bahasa Cina beribu-ribu, tetapi kajian ini hanya terhad kepada penganalisaan 30 buah puisi tradisional yang berunsur falsafah sahaja. Banyak puisi tradisional lain yang popular tidak dapat dimasukkan dalam kajian ini.

Skop metafora adalah luas dan mendalam dan kajian ini hanya dapat menyentuh sebahagian daripada skop metafora dan mengaplikasikan beberapa teori yang popular sahaja.

Penterjemahan puisi tradisional daripada bahasa Cina kepada bahasa Melayu boleh melemahkan pemahaman pembaca tentang makna sebenar sesebuah puisi atau penggunaan sesuatu item leksikal.

Sehingga kajian ini dijalankan, tiada teori metafora dalam aplikasi bahasa Cina dikemukakan. Teori metafora yang digunakan dalam kajian ini kebanyakannya dari negara barat manakala data kajian ini adalah dalam bahasa Cina. Penganalisaan data kajian bahasa Cina berdasarkan teori metafora bahasa Inggeris juga akan melemahkan pemahaman pembaca tentang hasil kajian ini.

1.10 Definisi Operasional

Berikut adalah definisi operasional bagi kata-kata penting yang kerap digunakan dalam kajian penyelidikan ini.

1.10.1 Puisi tradisional

Kamus Dewan (2005:1241) mendefinisikan puisi sebagai karangan yang berbentuk puisi (syair, pantun dan lain-lain). *Kamus Perdana* (2005:1255) juga mendefinisikan puisi sebagai “ karangan yang berbentuk pantun, puisi, syair dan lain-lain

Oxford English - Chinese Reader's Dictionary (2000:304) mendefinisikan “ *poem* “ (puisi) sebagai “ *piece of writing in verse form, especially one expressing deep feeling or noble thought in beautiful language*” . *Macmillan Essential Dictionary* (2003:549) mendefinisikan “ poem” sebagai “ *a piece of writing that uses beautiful or unusual language. It is arranged in lines that have a particular beat and often RHYME.*”

Pradopo (1993:13) mendefinisikan puisi sebagai karya seni puitis. Keputisan itu dapat dicapai dengan berbagai-bagai cara, contohnya dengan pemilihan kata iaitu diksi, bahasa kiasan dan sebagainya. Bahasa kiasan dalam puisi ada bermacam-macam. Ia menghubungkan sesuatu dengan sesuatu yang lain, antaranya alegori, metafora, metonimi, perbandingan (*simile*), personifikasi, perumpamaan epos (*epic simile*) dan sinekdoki (*synecdoche*) (Abdullah,1993:66).

Dalam *Kamus Dewan* (2005:1711), “tradisional” bermaksud sesuatu yang berkaitan dengan, bersifat, atau mengikut tradisi; “Tradisi” pula bermaksud sesuatu kebiasaan (adat, kepercayaan dan lain-lain) yang kekal turun-temurun, sesuatu yang sudah menjadi amalan yang sudah sebatian dengan sesuatu masyarakat (golongan, kumpulan dan sebagainya).

Berdasarkan definisi puisi dan tradisional yang disebutkan di atas, puisi tradisional merupakan kata nama 古典格律诗 (*gu dian ge lu shi*), iaitu gabungan nama bagi puisi-puisi lama yang dihasilkan pada zaman Dinasti Tang dan Dinasti Song. Buku

puisi Pang (1999) yang dipilih untuk kajian ini mengandung lebih banyak puisi berformat yang mempunyai lima atau tujuh perkataan dalam empat ayat atau lapan ayat (五言或七言絶律 wu yan huo qi yan jue lv). Selain itu, terdapat juga puisi purba yang tidak mempunyai bilangan ayat yang tetap. Kajian ini menggolongkan semua jenis puisi ini sebagai puisi tradisional.

1.10.2 Metafora

Berdasarkan *Kamus Dewan* (2005:1029), metafora bermakna pemakaian kata-kata yang menyatakan sesuatu makna atau maksud yang lain daripada makna biasa atau makna sebenar perkataan yang berkenaan, sebagai perbandingan atau kiasan. *American Heritage Dictionary of The English Language* (1996:1134) mendefinisikan metafora sebagai “ *a figure of speech in which a word or phrase that ordinarily designates one thing is used to designate another thus making an implicit comparison: one thing compared as representing another, a symbol*”. *Standard Dictionary of The English Language* (1962:42) mendefinisikan metafora sebagai “ *the form of trope which is founded on a resemblance of relations or a figure of speech in which one object is likened to another by asserting it to be that other or speaking of it as of it were that other*”. Sebagai contohnya, burung phoenix memberi makna metafora sesuatu yang amat berharga dan berkedudukan tinggi.

Aristotle mengatakan bahawa metafora memberi nama kepada sesuatu dan nama itu sebenarnya adalah nama untuk benda yang lain (Ricoeur, 1978:18). Ricoeur (1978) menyarankan pendapatnya yang hampir sama dengan definisi Aristotle dengan mengatakan bahawa metafora melihat kosa kata sebagai unit rujukan. Oleh itu, metafora

dikelaskan sebagai kosa kata tunggal dalam bahasa kiasan dan didefinisikan sebagai “*a trope of resemblance*”.

Hawkes (1972:1) pula menerangkan istilah metafora yang berasal daripada perkataan Yunani “*metapherein*” iaitu “*meta*” bermaksud melepasi (over) dan “*pherein*” bermakna membawa (to carry). Ia merujuk kepada proses di mana satu aspek objek dibawa ke depan atau dipindahkan kepada objek lain supaya objek kedua dikenali sebagai objek yang pertama. Metafora dilihat sebagai satu bentuk yang paling asas dalam bahasa figuratif.

Dari segi definisi bahasa kiasan, Aristotle mendefinisikan semua jenis retorik sebagai bahasa metafora. Antaranya, simile yang menggunakan kata penghubung “seperti”, “seumpamanya” dan “seakan-akan” juga didefinisikan sebagai metafora kerana fungsi pemindahan maknanya adalah sama (Lawson, 2004:224). Menurut Lakoff dan Johnson (1980:34), personifikasi yang menerangkan sesuatu yang bukan manusia tetapi dianggap boleh bertindak seperti manusia juga dimasukkan dalam skop metafora.

Dalam kajian ini, metafora didefinisikan sebagai bahasa kiasan yang menggunakan sesuatu item leksikal untuk menerangkan sesuatu perkara atau objek yang lain daripada makna denotasi item leksikal tersebut. Metafora akan dikenal pasti melalui ciri-ciri persamaan makna item leksikal dengan tema puisi yang wujud di antara ketidaksamaan makna denotasi sesuatu item leksikal dengan makna sebenar yang dimaksudkan oleh penulis puisi. Item leksikal metafora ini akan bertindak sebagai sumber (*vehicle*) untuk merujuk sesuatu sasaran (*tenor*) di mana berlakunya pemindahan makna.

Oleh kerana metafora boleh dikenal pasti dengan membezakan ciri-ciri yang sama di antara dua objek yang berlainan, metafora dapat difaham melalui pengetahuan am, pemahaman konsep sejagat atau pengalaman manusia tentang kedua-dua objek atau perkara yang digunakan dan dimaksudkan itu. Faktor konteks dan budaya orang Cina juga akan dipertimbangkan.

Dari segi definisi bahasa kiasan, pengkaji akan memasukkan simile yang menggunakan kata penghubung seperti, macam, seolah-olah, seakan-akan dan lain-lain sebagai metafora mengikut saranan Aristotle (Lawson, 2004:224). Personifikasi juga dianggap sebagai metafora mengikut saranan Lakoff dan Johnson (1980:34).

1.11 Kesimpulan

Bab ini telah menerangkan latar belakang kajian ini. Pertama, keistimewaan puisi dikemukakan. Kedua, kedudukan nilai puisi tradisional dan perkembangannya di negara China pada zaman dahulu hingga zaman ini di Malaysia dihuraikan. Selepas itu, kebiasaan penggunaan konsep metafora dalam kehidupan harian dan kepentingan peranan metafora dalam puisi tradisional diterangkan. Seterusnya, pengkaji menjelaskan kepentingan memahami makna metafora dalam puisi tradisional bahasa Cina, objektif kajian, soalan penyelidikan, batasan kajian dan juga definisi operasional untuk puisi tradisional dan metafora.

Berdasarkan maklumat dan penghuraian di atas, keindahan dan kepentingan puisi tradisional amat perlu dikaji demi pembangunan tamadun dan kemajuan sesebuah masyarakat. Metafora menjadi aspek kajian yang penting untuk mencungkil maksud sebenar sesebuah puisi tradisional.

Bab seterusnya akan membentangkan rumusan kajian perpustakaan yang merangkumi aspek konsep-konsep yang disarankan oleh pakar-pakar dalam bidang metafora dan puisi tradisional serta kajian-kajian lepas dalam bidang metafora yang berkaitan.